

15/08/1998

Labuan bakal dijadikan pulau taman tercantik

LABUAN, Jumaat - Kerajaan akan menjadikan Labuan sebagai pulau taman tercantik di dunia dengan pelbagai daya tarikan pelancong, selaras usaha membangunkan sektor pelancongan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta pihak berkuasa di Labuan serta penduduknya melakukan gerakan besar-besaran untuk mengindahkan seluruh pulau berkenaan.

Menurutnya, program lanskap akan diperhebatkan untuk mencantikkan jalan dan kawasan pesisiran pantai dengan menanam pelbagai jenis pokok dan bunga-bunga, bertujuan memperindah pemandangan.

Beliau berkata, Labuan mempunyai potensi dalam sektor pelancongan dan ia seharusnya dimanfaatkan oleh penduduk, terutama dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.

"Penduduk tidak boleh mengharap manfaat daripada status Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), terutama dalam waktu kegawatan sekarang, sebaliknya harus memanfaatkan keistimewaan yang ada iaitu kecantikan di seluruh pulau ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pertemuan Terbuka Perdana Menteri bersama pemimpin Umno, parti komponen Barisan Nasional (BN) serta pegawai kerajaan di Dewan Masyarakat, di sini, hari ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad dan Ketua Umno Bahagian Labuan, Abdol Mulok Awang Damit.

Kira-kira 2,000 orang hadir pada perjumpaan itu.

Sambil berharap usaha mencantikkan Labuan mendapat kerjasama dan sokongan badan sukarela, Dr Mahathir berkata, arahan mengenainya sudah diberi kepada pihak pentadbiran Labuan dan mereka sudah mencatatnya serta berjanji menghantar laporan bergambar mengenai kemajuannya.

"Laporan itu akan dihantar kepada saya supaya saya boleh melihat kemajuannya setiap bulan.

Saya berharap dengan gambar ini, ada ternampak sukarelawan membantu usaha sedemikian," katanya.

(END)